

Bil. S 12

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah bab 83)

PERINTAH DARURAT  
(BAHAN-BAHAN YANG MENGKHAYALKAN), 1991

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

- Gelaran pendek dan permulaan kuatkuasa.  
S. 18/92
1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Bahan-Bahan Yang Mengkhayalkan), 1991, dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*. [1-5-1992]
- Tafsiran.
2. Dalam perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —
- “Jawatankuasa Penasihat”, berkenaan dengan mana-mana yayasan yang diluluskan, bermakna Jawatankuasa Penasihat yang dilantik bagi yayasan yang diluluskan itu di bawah bab 20 ;
- “yayasan yang diluluskan” bermakna sebarang tempat atau bangunan yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai yayasan yang diluluskan di bawah bab 19 ;
- “benda yang boleh dirampas” bermakna apajua barang dengan jalan atau yang berkaitan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan atau yang mengandungi keterangan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan termasuk wang ;
- Penggal 27.
- “Pengarah” bermakna Pengarah Biro Kawalan Narkotik yang dilantik di bawah bab 2A(1) dari Akta Penyalahgunaan Dadah dan termasuk Timbalan Pengarah Biro ;
- “penghuni” bermakna seseorang yang ditahan di sesebuah yayasan yang diluluskan ;
- “bahan yang mengkhayalkan” bermakna sebarang bahan yang mempunyai ciri mengeluarkan wap atau wasap beracun yang mengandungi sebarang sebatian kimia yang dinyatakan dalam Jadual dan yang apabila dihidu mendatangkan atau menyebabkan keadaan khayal ;

- "pegawai Biro" bermakna Pengarah atau mana-mana pegawai Biro Kawalan Narkotik ;
- "pegawai Kastam" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Kastam ; Penggag 36.
- "pegawai polis" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Pasukan Polis Diraja Brunei ; Penggag 50.
- "perintah pengawasan" bermakna suatu perintah secara bertulis oleh Pengarah yang dibuat di bawah bab 17 ;
- "tempoh pengawasan" bermakna tempoh seseorang diletakkan di bawah pengawasan menurut suatu perintah pengawasan yang dibuat di bawah bab 17 ;
- "pembekalan" dengan perbezaan tatabahasanya dan ungunannya yang seasal, termasuk memiliki bagi maksud membekalkan.

## BAHAGIAN II

### KESALAHAN-KESALAHAN BERKENAAN DENGAN BAHAN-BAHAN YANG MENGKHAYALKAN

3. (1) Tiada sesiapa pun boleh, bagi maksud mendatangkan atau menyebabkan dirinya dalam keadaan khayal, menggunakan atau menghidu sebarang bahan yang mengkhayalkan. Kesalahan menyalahgunakan bahan-bahan yang mengkhayalkan.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar ceraiian (1) adalah melakukan kesalahan.
4. (1) Tiada sesiapa pun boleh menjual atau membekalkan atau menawarkan untuk menjual atau membekalkan suatu bahan yang mengkhayalkan kepada mana-mana orang jika diketahuinya atau dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa bahan yang mengkhayalkan itu, atau wasapnya, mungkin digunakan atau dihidu dengan melanggar bab 3(1) oleh orang yang dijual atau dibekalkan dengan bahan itu atau oleh orang lain. Kesalahan membekalkan bahan-bahan yang mengkhayalkan.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar ceraiian (1) adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.
5. (1) Pengarah boleh menghendaki mana-mana orang yang, semasa menjalankan suatu perniagaan, menjual atau membekalkan atau menawarkan untuk menjual atau membekalkan sebarang bahan yang mengkhayalkan supaya mengemukakan dokumen-dokumen, supaya menjawab soalan-soalan dan supaya memberi maklumat sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu bagi menjalankan kuasa-kuasanya dengan berkesan dan melaksanakan kewajipannya di bawah Perintah ini. Kuasa-kuasa am untuk meminta maklumat tentang bahan-bahan yang mengkhayalkan.

(2) Sebarang permintaan itu hendaklah dibuat secara bertulis yang disampaikan kepada orang yang ditujukan dengan permintaan itu, dan sebarang penyampaian itu adalah penyampaian yang sempurna jika permintaan itu ditinggalkan dengan orang itu, atau ditinggalkan dengan mana-mana orang dewasa di tempat kediaman atau perniagaan orang itu yang biasa atau yang terakhir diketahui, atau disampaikan kepada orang itu melalui pos di tempat kediaman atau perniagaannya yang biasa atau yang terakhir diketahui.

(3) Tiap-tiap orang yang dikehendaki supaya mengemukakan sebarang dokumen, menjawab sebarang soalan atau memberi sebarang maklumat hendaklah mengemukakan dokumen itu, menjawab soalan itu atau memberi maklumat itu dalam masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam permintaan itu.

(4) Mana-mana orang yang dikehendaki supaya mengemukakan sebarang dokumen, menjawab sebarang soalan atau memberi sebarang maklumat di bawah bab ini yang —

- (a) gagal tanpa alasan yang sah mematuhi sebarang permintaan di bawah bab ini ;
- (b) mengemukakan sebarang dokumen yang palsu dalam sebarang butir yang mustahak, atau belum diberi atau dibuat oleh orang yang dikatakan telah memberi atau membuatnya, atau dalam apajua carapun telah diubah atau dirosakkan ; atau
- (c) membuat sebarang pengakuan, keterangan atau pernyataan yang palsu dalam sesuatu butir yang mustahak,

adalah melakukan kesalahan.

### BAHAGIAN III

#### KETERANGAN DAN PENGUATKUASAAN

Perlindungan pemberi maklumat.

6. (1) Kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan dalam ceraiian (3) —
- (a) tiada maklumat bagi suatu kesalahan di bawah Perintah ini boleh diterima sebagai keterangan dalam sebarang perbicaraan sivil atau jenayah ; dan
  - (b) tiada saksi dalam sebarang perbicaraan sivil atau jenayah boleh dipaksa —
    - (i) supaya mendedahkan nama dan alamat mana-mana pemberi maklumat yang telah memberi maklumat berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Perintah ini ; atau

- (ii) supaya menjawab sebarang soalan jika jawapan kepada soalan itu akan membawa, atau berkemungkinan membawa, kepada penzahiran nama atau alamat pemberi maklumat itu.

(2) Jika sebarang buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau boleh diperiksa dalam sebarang perbicaraan sivil atau jenayah mengandungi sebarang catatan dalam mana mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau dinyatakan atau yang mungkin membawa kepada penzahirannya, maka mahkamah hendaklah menyebabkan supaya catatan itu disembunyikan dari pandangan atau dihapuskan setakat yang mungkin perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada penzahirannya.

(3) Jika dalam sebarang perbicaraan di hadapan mahkamah kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini, maka mahkamah, selepas menjalankan siasatan penuh ke atas kes itu, berpuashati bahawa seseorang pemberi maklumat telah membuat dengan senghaja suatu pernyataan mustahak yang diketahui atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak dipercayainya sebagai benar, atau jika dalam sebarang perbicaraan lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya di antara pihak-pihak kepada perbicaraan itu tanpa pendedahan nama seseorang pemberi maklumat maka mahkamah boleh membenarkan siasatan dan menghendaki pendedahan penuh mengenai pemberi maklumat itu.

7. (1) Mana-mana pegawai Biro, mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai Kastam boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang telah melakukan atau yang disyaknya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

Kuasa-kuasa menangkap.

(2) Mana-mana orang yang ditangkap itu hendaklah, berserta dengan sebarang benda yang boleh dirampas, dibawa ke Biro Kawalan Narkotik atau balai polis dan boleh diperiksa.

(3) Tiada perempuan boleh diperiksa di bawah Bahagian ini kecuali oleh perempuan lain dan dengan penuh sopan.

(4) Seseorang pegawai yang melakukan tangkapan di bawah bab ini boleh merampas dan menahan sebarang benda yang boleh dirampas.

8. Apabila mana-mana orang ditangkap dan ditahan dalam kurungan oleh seseorang pegawai Biro atau seseorang pegawai polis kerana suatu kesalahan terhadap Perintah ini dan adalah didapati bahawa penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam dari masa orang itu ditangkap, seseorang pegawai Biro atau seseorang pegawai polis boleh mengemukakan orang itu di hadapan Majistret dan Majistret, boleh, sama ada dia mempunyai bidang kuasa atau tidak untuk membicarakan kes itu, dari masa ke semasa, membenarkan supaya orang itu ditahan dalam kurungan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majistret bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari lima belas hari pada keseluruhannya.

Tatacara jika penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam masa dua puluh empat jam oleh seseorang pegawai Biro atau oleh seseorang pegawai polis.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

Kuasa-kuasa  
mengelidih  
dan  
merampas.

9. (1) Mana-mana pegawai Biro atau mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai Kastam boleh pada bila-bila masa —

- (a) tanpa waran memasuki dan mengelidih sebarang tempat atau bangunan di mana disyaknya dengan munasabah bahawa mungkin dijumpai sebarang benda yang boleh dirampas ;
- (b) memeriksa mana-mana orang yang didapati di dalam tempat atau bangunan itu ; dan
- (c) merampas dan menahan sebarang benda yang boleh dirampas yang dijumpai di dalam tempat atau bangunan itu.

(2) Bagi maksud menjalankan kuasanya itu di bawah bab ini, seseorang pegawai boleh, dengan bantuan sebagaimana yang dianggapnya perlu, membuka dengan memecahkan sebarang pintu, jendela, kunci, kancing, lantai, dinding, langit, ruang, peti, kontena atau apajua barang lain.

Halangan  
mengelidih.

10. Mana-mana orang yang —

- (a) menghalang mana-mana pegawai Biro atau mana-mana pegawai polis atau dalam menjalankan sebarang kuasa di bawah Perintah ini ; atau
- (b) gagal mematuhi sebarang kehendak yang sah daripada mana-mana pegawai Biro atau mana-mana pegawai polis dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Perintah ini,

adalah melakukan kesalahan.

Perlucutan  
hak.

11. (1) Apabila apa-apa barang dirampas di bawah Perintah ini, pegawai yang menjalankan perampasan itu hendaklah dengan serta-merta memberi notis secara bertulis mengenai perampasan itu kepada tuannya barang itu, jika diketahui, sama ada dengan menyerahkan sendiri notis itu kepadanya atau melalui pos di tempat tinggalnya, jika diketahui, kecuali bahawa notis itu tidaklah dikehendaki untuk diberikan jika perampasan itu dilakukan di hadapan pesalah atau tuannya atau ejennya.

(2) Suatu perintah bagi perlucutan hak sebarang benda yang boleh dirampas hendaklah dibuat jika terbukti sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Perintah ini telah dilakukan dan bahawa benda itu adalah menjadi hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu dengan tidak menghiraukan bahawa tiada sesiapaupun mungkin telah disabitkan melakukan kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berhubung dengan sebarang benda yang dirampas di bawah Perintah ini, maka benda itu hendaklah dianggap

sebagai terlucut hak pada masa habis tempoh satu bulan dari tarikh perampasannya melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya telah dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

12. Segala barang yang terlucut menjadi hak Kerajaan di bawah Perintah ini hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

Pelupusan barang-barang yang terlucut hak.

13. Dalam sebarang hal berkenaan dengan berlakunya suatu kesalahan di bawah Perintah ini, seseorang pegawai Biro hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Peraturan Jenayah berkenaan dengan penyiāsatan mengenai suatu kesalahan yang membolehkan tangkapan.

Kuasa-kuasa menyiasat pegawai-pegawai Biro. Penggal 7.

14. (1) Mana-mana pegawai Biro atau mana-mana pegawai polis, atau pegawai yang menjaga sesebuah yayasan yang diluluskan boleh menghendaki mana-mana orang yang telah menggunakan atau menghidu, atau disyaki dengan munasabah telah menggunakan atau menghidu, sebarang bahan yang mengkhayalkan bagi maksud mendatangkan atau menyebabkan keadaan khayal supaya memberikan kepada seseorang pengamal perubatan yang berdaftar contoh darahnya untuk ujian makmal ; tetapi seseorang tidaklah dikehendaki supaya memberikan contoh darahnya untuk ujian makmal di bawah ceraiian ini jika pengamal perubatan yang berdaftar yang menjaga langsung akan kesnya itu membuat bantahan terhadap pemberian contoh itu atas alasan bahawa ianya mungkin memudaratkan jagaan dan rawatan orang itu yang sepatutnya.

Ujian darah.

(2) Seseorang yang tanpa alasan yang munasabah gagal memberikan contoh darahnya untuk ujian makmal menurut kehendak yang dikenakan di bawah ceraiian (1) adalah melakukan kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan denda yang tidak melebihi dari \$2,000 atau dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 bulan.

(3) Seseorang pegawai Biro atau mana-mana pegawai polis atau pegawai yang menjaga sesebuah yayasan yang diluluskan hendaklah, apabila menghendaki mana-mana orang di bawah bab ini supaya memberikan contoh darah untuk ujian makmal, memberi amaran kepadanya bahawa kegagalan memberikan contoh darah boleh menyebabkannya dikenakan denda atau dihukum penjara, dan, jika pegawai itu gagal berbuat demikian, mahkamah yang di hadapannya orang itu dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah ceraiian (2) boleh menolak tuduhan itu.

(4) Bagi maksud-maksud sebarang perbicaraan kerana suatu kesalahan di bawah bab 3, suatu sijil yang dikatakan telah ditandatangani oleh seseorang pengamal perubatan yang berdaftar bahawa dia telah mengambil contoh darah daripada seseorang dengan persetujuannya adalah menjadi keterangan mengenai perkara-perkara yang diperakui demikian dan mengenai kelayakan-kelayakan pengamal perubatan yang berdaftar itu :

Dengan syarat bahawa sijil itu hendaklah tidak diterima sebagai keterangan bagi pendakwaan melainkan jika satu salinannya telah disampaikan kepada tertuduh dalam masa tidak kurang dari 7 hari sebelum pendengaran.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini, persetujuan seseorang yang telah mencapai umur 16 tahun untuk memberikan contoh darah menurut kehendak yang dikenakan di bawah cerai (1) hendaklah berkuatkuasa sebagaimana yang sepatutnya jika dia telah cukup umur ; dan jika orang itu telah memberikan persetujuan yang berkuatkuasa, menurut cerai ini, maka tidaklah perlu untuk mendapatkan sebarang persetujuan daripada ibubapa atau penjaganya berkaitan dengan pemberian contoh darahnya.

Anggapan menyalahgunakan bahan yang mengkhayalkan.

15. Seseorang hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah menggunakan atau menghidu sebarang bahan yang mengkhayalkan bagi maksud mendatangkan atau menyebabkan dirinya dalam keadaan khayal jika contoh darah yang diberikan olehnya di bawah bab 14 diperakui oleh seseorang penganalisa Kerajaan mengandungi suatu jumlah sebarang sebatian kimia yang dinyatakan dalam Jadual melebihi dari jumlah yang dinyatakan dalam ruang kedua dari Jadual berkenaan dengan sebatian kimia itu.

Sijil penganalisa Kerajaan.

16. Suatu sijil yang dikatakan telah ditandatangani oleh seseorang penganalisa Kerajaan dan dikatakan berhubung dengan sebarang sebatian kimia yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah diterima sebagai keterangan, dalam sebarang perbicaraan kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini, apabila ianya dikemukakan oleh pihak pendakwa tanpa bukti tandatangan dan, sehingga dibuktikan sebaliknya, sijil itu adalah menjadi keterangan prima facie mengenai segala perkara yang terkandung di dalamnya :

Dengan syarat bahawa sijil itu hendaklah tidak diterima sebagai keterangan bagi pihak pendakwa melainkan jika satu salinannya telah disampaikan kepada tertuduh dalam masa tidak kurang dari 7 hari sebelum pendengaran.

#### BAHAGIAN IV

#### RAWATAN DAN PEMULIHAN

Pengawasan.

17. (1) Jika hasil dari ujian darah di bawah bab 14, pada pendapat Pengarah bahawa orang yang memberikan contoh darah itu untuk ujian darah telah menggunakan atau menghidu sebarang bahan yang mengkhayalkan dengan melanggar bab 3 dan bahawa adalah perlu supaya orang itu tertakluk kepada pengawasan, maka Pengarah boleh membuat suatu perintah pengawasan yang menghendaki orang itu supaya tertakluk kepada pengawasan seseorang pegawai Biro atau seseorang yang dilantik oleh Pengarah bagi maksud itu untuk suatu tempoh pengawasan yang tidak melebihi dari satu tahun.

(2) Pengarah boleh membuat suatu perintah pengawasan yang menghendaki seseorang yang telah dibebaskan dari sesebuah yayasan



yang diluluskan di bawah bab 21 supaya tertakluk kepada pengawasan seseorang pegawai Biro atau seseorang yang dilantik oleh Pengarah bagi maksud itu untuk suatu tempoh pengawasan yang tidak melebihi dari satu tahun.

(3) Suatu perintah pengawasan yang dibuat di bawah cerai (1) atau (2) boleh menghendaki orang yang tertakluk kepada perintah pengawasan itu supaya mematuhi pada keseluruhan atau mana-mana bahagian tempoh pengawasan kehendak-kehendak tentang kediaman dan sebarang kehendak lain sebagaimana yang dianggap perlu oleh Pengarah, dengan mengambil perhatian kepada keadaan kes, bagi memastikan kelakuan baik orang itu dan jika orang itu dengan sengaja gagal mematuhi sebarang kehendak dalam perintah pengawasan itu, maka dia adalah melakukan kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan denda yang tidak melebihi dari \$5,000.

18. (1) Jika pada bila-bila masa semasa atau selepas tempoh pengawasan seseorang yang tertakluk atau telah tertakluk kepada suatu perintah pengawasan ditangkap di bawah bab 7 atas alasan bahawa orang itu disyaki dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah bab 3, maka Menteri, dengan mengambil perhatian kepada hasil pemeriksaan atau pemerhatian perubatan atau ujian darah di bawah bab 14 dan, jika berkenaan, suatu laporan daripada pegawai pengawasan mengenai orang yang berkenaan, boleh, jika pada pendapat Menteri bahawa adalah perlu bagi orang itu supaya menjalani rawatan dan pemulihan di sesebuah yayasan yang diluluskan, dengan perintah secara bertulis mengarahkan orang itu supaya dimasukkan ke sesebuah yayasan yang diluluskan dan ditahan di sana bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan.

Rawatan dan pemulihan.

(2) Sesebuah yayasan yang diluluskan boleh —

- (a) menerima masuk mana-mana orang yang menggunakan atau menghidu sebarang bahan yang mengkhayalkan bagi maksud mendatangkan atau menyebabkan keadaan khayal ; atau
- (b) menerima masuk mana-mana orang yang berumur 21 tahun ke bawah yang menggunakan atau menghidu sebarang bahan yang mengkhayalkan bagi maksud mendatangkan atau menyebabkan keadaan khayal atas permohonan yang dibuat oleh sama ada ibubapa orang itu atau oleh penjaganya atau oleh mana-mana orang yang pada masa itu menjaga atau mengawal orang itu,

untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan sukarela atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan kecuali bahawa tiap-tiap orang yang diterima masuk ke sesebuah yayasan yang diluluskan di bawah cerai ini hendaklah tidak ditahan di dalamnya bagi suatu tempoh yang melebihi dari 6 bulan.



(3) Sebarang pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang diterima masuk ke sesebuah yayasan yang diluluskan di bawah cerai (2) bagi maksud menjalani rawatan dan pemulihan tidak boleh diterima sebagai keterangan terhadapnya berkaitan dengan sebarang pendakwaan yang berikutnya kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

(4) Jika Jawatankuasa Penasihat sesebuah yayasan yang diluluskan berpendapat bahawa seseorang penghuni yayasan itu yang tempoh tahanannya di yayasan itu akan tamat menghendaki rawatan atau pemulihan lanjut atau kedua-duanya, maka Jawatankuasa Penasihat boleh dengan perintah secara bertulis mengarahkan supaya penghuni itu ditahan di yayasan itu bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh lanjut yang tidak melebihi dari 3 bulan pada satu-satu masa kecuali bahawa tiada sesiapaupun yang berkaitan dengannya suatu perintah telah dibuat di bawah cerai (1) boleh ditahan di sesebuah yayasan atau yayasan-yayasan yang diluluskan bagi suatu tempoh yang melebihi dari satu tahun selepas dia diterima masuk ke mana-mana yayasan yang diluluskan menurut perintah itu.

(5) Dalam bab ini, "pegawai pengawasan" bermakna seseorang yang dilantik oleh Pengarah di bawah bab 17 yang diberi tanggungjawab bagi mengawasi orang yang dibawa di hadapan Pengarah di bawah cerai (1).

Yayasan-  
yayasan yang  
diluluskan.

19. (1) Menteri boleh dari masa ke semasa, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan sebarang tempat atau bangunan sebagai yayasan yang diluluskan bagi maksud rawatan dan pemulihan orang-orang yang menggunakan atau menghidu bahan-bahan yang mengkhayalkan bagi maksud mendatangkan atau menyebabkan keadaan khayal dan boleh pada bila-bila masa mengikut cara yang sama membatalkan atau meminda sebarang kenyataan itu.

(2) Menteri boleh melantik mana-mana orang sebagai pegawai yang menjaga sesebuah yayasan yang diluluskan dan orang itu hendaklah bertanggungjawab terhadap penjagaan dan pengawasan am yayasan yang diluluskan itu.

Jawatankuasa  
Penasihat bagi  
yayasan-  
yayasan yang  
diluluskan.

20. (1) Menteri hendaklah melantik bagi mana-mana yayasan atau yayasan-yayasan yang diluluskan Jawatankuasa Penasihat yang mempunyai tugas-tugas sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Tiap-tiap Jawatankuasa itu hendaklah mengandungi seorang Pengerusi, dan tidak kurang dari 2 orang ahli lain.

(3) Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat hendaklah dilantik oleh Menteri bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun, tetapi boleh dari masa ke semasa dilantik semula, atau boleh pada bila-bila masa dipecat dari jawatan oleh Menteri, atau boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan mereka secara bertulis yang dialamatkan kepada Menteri.

(4) Tiga orang ahli Jawatankuasa hendaklah membentuk korum pada sebarang mesyuarat Jawatankuasa.

(5) Pengerusi hendaklah mempengerusikan pada tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa yang dihadapinya dan semasa ketiadaannya ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(6) Tiap-tiap persoalan di hadapan Jawatankuasa hendaklah diputuskan dengan majoriti undi ahli-ahli yang hadir dan mengundi terhadapnya, dan jika terdapat persamaan undi maka Pengerusi atau ahli yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus selain dari undi asalnya.

(7) Tertakluk kepada syarat-syarat Perintah ini dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, Jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(8) Sebarang perintah Jawatankuasa boleh ditandatangani oleh Pengerusi atau seseorang ahli Jawatankuasa.

21. (1) Jawatankuasa Penasihat sesebuah yayasan yang diluluskan hendaklah sentiasa meneliti kes tiap-tiap penghuni dan hendaklah menimbangkan dengan seberapa kerap yang boleh sama ada dia seharusnya dibebaskan.

Penelitian,  
pembebasan  
dan  
pemindahan  
penghuni-  
penghuni.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang perintah yang dibuat di bawah bab 18, atau di bawah cerai (2) dari bab 25 Menteri atau Jawatankuasa Penasihat sesebuah yayasan yang diluluskan boleh pada bila-bila masa dengan perintah secara bertulis —

(a) membebaskan mana-mana penghuni ; atau

(b) memindahkan mana-mana penghuni dari sesebuah yayasan yang diluluskan ke yayasan yang diluluskan yang lain.

(3) Pegawai yang menjaga sesebuah yayasan yang diluluskan boleh membuat suatu penyusunan dengan pegawai yang menjaga yayasan yang diluluskan yang lain bagi pemindahan mana-mana penghuni ke yayasan yang diluluskan yang lain itu dan, tertakluk kepada sebarang arahan yang diberikan oleh Pengarah atau Jawatankuasa Penasihat, boleh menjalankan sebarang pemindahan menurut penyusunan itu kecuali bahawa keseluruhan tempoh tahanan penghuni itu diterima masuk ke yayasan yang diluluskan itu hendaklah tidak ditambah dengan pemindahannya.

(4) Apabila terbukti sehingga memuaskan hatinya bahawa kehadiran seseorang penghuni di sebarang tempat adalah dikehendaki atas kepentingan keadilan, atau bagi maksud sebarang siasatan, atau atas kepentingan awam atau atas kepentingan penghuni itu, maka pegawai yang menjaga yayasan yang diluluskan yang berkaitan boleh memerintahkan supaya penghuni itu dibawa ke tempat itu.

Kuasa  
Majistret  
untuk  
menyiasat  
mengenai  
aduan salah  
laku atau  
melanggar  
kewajipan.

22. (1) Jika suatu aduan dibuat dengan mengangkat sumpah kepada Majistret bahawa mana-mana orang ditahan secara yang tidak wajar di dalam sesebuah yayasan yang diluluskan dengan sebab sebarang salah laku atau pelanggaran kewajipan di pihak mana-mana pegawai dalam menunaikan tugas-tugasnya menurut Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, maka Majistret boleh sama ada menyiasat sendiri mengenai aduan itu atau mengarahkan seseorang pegawai polis untuk membuat suatu siasatan bagi maksud memastikan kesahihan atau kepalsuan aduan itu dan melaporkan kepadanya akan hasil siasatan itu.

(2) Tiap-tiap siasatan di bawah ceraiian (1) hendaklah dijalankan secara persendirian tetapi, kecuali sebagaimana yang disebutkan di atas, tatacara bagi menjalankan sebarang siasatan hendaklah sebagaimana yang dianggap bersesuaian oleh Majistret mengikut keadaan kes.

Penggal 7.

(3) Seseorang Majistret atau seseorang pegawai polis yang menjalankan sebarang siasatan di bawah ceraiian (1) hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepadanya oleh Kanun Peraturan Jenayah berkenaan dengan kehadiran dan pemeriksaan saksi-saksi, pengambilan keterangan dan pengemukaan dokumen-dokumen.

(4) Jika selepas menimbangkan hasil dari sebarang siasatan itu Majistret berpuas hati bahawa mana-mana orang yang ditahan di sesebuah yayasan yang diluluskan tidak seharusnya ditahan demikian, maka dia boleh membuat suatu perintah untuk membebaskan orang itu dari yayasan yang diluluskan itu dan orang itu hendaklah dibebaskan dengan sewajarnya.

(5) Sebarang perintah atau keputusan Majistret yang dibuat di bawah bab ini adalah muktamad.

(6) Tiada keterangan yang diambil bagi maksud sebarang siasatan itu boleh diterima dalam sebarang perbicaraan sivil atau jenayah kecuali jika orang yang telah memberi keterangan itu dituduh memberi atau mereka keterangan palsu.

Penghuni-  
penghuni  
hendaklah  
dianggap  
sebagai dalam  
jagaan dari  
segi undang-  
undang.

23. (1) Tiap-tiap penghuni hendaklah dianggap sebagai dalam jagaan yayasan yang diluluskan dari segi undang-undang di mana dia pada masa itu ditahan.

(2) Seseorang penghuni hendaklah dianggap sebagai dalam jagaan dari segi undang-undang —

(a) semasa dia dikurung di, atau dibawa ke atau dari, sesebuah yayasan yang diluluskan ;

(b) semasa dia berada di luar sesebuah yayasan yang diluluskan kerana sebarang sebab lain dalam jagaan atau di bawah kawalan pegawai yang menjaga yayasan yang diluluskan itu ; atau

(c) semasa dia dibawa ke sebarang tempat di mana dia dikehendaki atau dibenarkan oleh atau di bawah Perintah ini untuk dibawa, atau ditahan dalam jagaan menurut sebarang kehendak atau kebenaran itu.

24. (1) Mana-mana penghuni yang —

- (a) semasa menjalani rawatan dan pemulihan di sesebuah yayasan yang diluluskan melarikan diri dari jagaan yayasan yang diluluskan itu dari segi undang-undang ;
- (b) semasa dia berada di luar sesebuah yayasan yang diluluskan melarikan diri dari jagaan atau kawalan seseorang pegawai yang menjaga sesebuah yayasan yang diluluskan dari segi undang-undang ; atau
- (c) semasa dia sebaliknya berada dalam jagaan mana-mana orang lain dari segi undang-undang melarikan diri daripadanya,

Melarikan diri dari jagaan sesebuah yayasan yang diluluskan dari segi undang-undang.

adalah melakukan kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang —

- (a) dengan mengetahui membantu, secara langsung atau tidak, mana-mana penghuni sesebuah yayasan yang diluluskan untuk melarikan diri dari yayasan yang diluluskan itu ;
- (b) mendorong mana-mana penghuni itu untuk melarikan diri ; atau
- (c) mengetahui bahawa mana-mana penghuni telah melarikan diri dari sesebuah yayasan yang diluluskan, melindungi atau menyembunyikan, atau membantu dalam melindungi atau menyembunyikan penghuni itu atau menyebabkan atau mendorongnya supaya tidak kembali ke yayasan yang diluluskan itu,

adalah melakukan kesalahan.

## BAHAGIAN V

### AM

25. (1) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Perintah ini dalam mana tiada hukuman dipersyaratkan dengan nyata boleh apabila sabit kesalahan dikenakan denda yang tidak melebihi dari \$3,000 atau dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Hukuman am.

(2) Jika mana-mana orang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab 3 dari Perintah ini, Mahkamah hendaklah menimbangkan suatu laporan daripada seseorang Pegawai Perubatan Kerajaan dan jika Mahkamah berpuashati bahawa adalah perlu bagi orang itu supaya menjalani rawatan atau pemulihan atau kedua-keduanya di sesebuah yayasan yang diluluskan, Mahkamah hendaklah selain dari sebarang

hukuman yang mungkin dikenakan secara sah membuat suatu perintah yang menghendaki supaya orang itu dimasukkan sebagai penghuni ke sesebuah yayasan yang diluluskan bagi maksud rawatan atau pemulihan atau kedua-duanya.

Lepas tanggungan.

26. (1) Kerajaan hendaklah tidak bertanggung untuk memperbaiki sebarang kerosakan yang berlaku ke atas apajua barang atau harta benda akibat dari kemasukan, pengelidahan atau penahanan di bawah syarat-syarat Perintah ini melainkan jika kerosakan itu disebabkan oleh kecuaiian atau keingkaran seseorang pegawai yang disenghajikan yang bekerja dengan Kerajaan.

(2) Jika terjadi sebarang pertikaian tentang jumlah sebarang kerosakan yang berlaku maka ianya hendaklah terus ditentukan dan diputuskan oleh Mahkamah Majistret.

Perlindungan orang-orang yang bertindak di bawah kuasa Perintah ini.

27. Mana-mana orang yang melakukan sebarang tindakan menurut atau bertujuan menurut sebarang syarat Perintah ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah tidak tertakluk kepada sebarang tanggungan sivil atau jenayah berkaitan dengannya, sama ada atas alasan kekurangan bidangkuasa, kesilapan undang-undang atau fakta, atau sebarang alasan lain, melainkan jika dia telah bertindak dengan niat jahat atau tanpa perhatian yang berpatutan.

Kesalahan-kesalahan oleh perbadanan.

28. Jika sebarang kesalahan di bawah Perintah ini yang dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pengetahuan, atau disebabkan oleh sebarang kecuaiian di pihak mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain pertubuhan perbadanan itu yang sama, atau mana-mana orang yang dikatakan telah memerintahkan atas sebarang jawatan itu, maka dia dan juga pertubuhan perbadanan itu adalah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan tindakan dengan sewajarnya.

Peraturan-peraturan.

29. (1) Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat peraturan-peraturan bagi sebarang maksud yang peraturan-peraturannya mungkin dibuat di bawah Perintah ini dan bagi menetapkan apa-apa yang mungkin ditetapkan di bawah Perintah ini dan pada amnya bagi maksud menguatkuasakan Perintah ini.

(2) Tanpa menyentuh keluasan makna ceraiian (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan sebarang perkara yang berikut —

- (a) mengadakan syarat bagi rawatan dan pemulihan orang-orang yang menggunakan atau menghidu bahan-bahan yang mengkhayalkan bagi maksud mendatangkan atau menyebabkan keadaan khayal ;
- (b) mengadakan syarat bagi pengawasan dan selepas pemulihan orang-orang yang telah menjalani rawatan dan pemulihan di mana-mana yayasan yang diluluskan atau yang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab 3 ;

- (c) mengadakan syarat bagi pengurusan, penyelenggaraan dan pemeriksaan yayasan-yayasan yang diluluskan ;
- (d) menetapkan tugas-tugas dan tatacara Jawatankuasa-Jawatankuasa Penasihat ;
- (e) mengadakan syarat bagi pengawalan, disiplin dan penghunian penghuni-penghuni, termasuk pengenaan hukuman dera ;
- (f) menetapkan lantikan dan kewajipan pegawai yayasan-yayasan yang diluluskan ; dan
- (g) menetapkan hukuman denda yang tidak melebihi dari \$3,000 dan penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali untuk dikenakan apabila sabit kesalahan kerana suatu pelanggaran sebarang peraturan.

**JADUAL**

<b>Ruang Pertama</b>	<b>Ruang Kedua</b>
Toluene	1 mikrogram setiap 1 millilitre darah

Diperbuat pada hari ini 30 haribulan April, 1991 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**